



29 Ogos 2017  
29 August 2017  
P.U. (A) 249

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PENGAGIHAN PERBELANJAAN, KOS ATAU KERUGIAN) (PINDAAN) 2017

### *MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (ALLOCATION OF EXPENSES, COSTS OR LOSSES) (AMENDMENT) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PENGAGIHAN  
PERBELANJAAN, KOS ATAU KERUGIAN) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(2) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) (Pindaan) 2017.**

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2017.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) 2011 [P.U. (A) 288/2011], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2—

(a) dalam subperenggan (a)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “berkenaan dengan tahun taksiran 2011,” perkataan “perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

(b) dalam subperenggan (b)—

(i) dengan menggantikan perkataan “setiap tahun taksiran berikut tahun taksiran 2011,” dengan perkataan “tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran yang sebelumnya.” dengan perkataan “tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan; dan”;
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:
  - “(c) berkenaan dengan setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan mengikut perkadarannya aman premium, pendapatan pelaburan dan apa-apa bentuk hasil yang lain yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang masing-masing dalam sistem insurans deposit dalam tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan.”.

### **Pindaan perenggan 3**

3. Perenggan 3 Perintah ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (a)—
  - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “berkenaan dengan tahun taksiran 2011,” perkataan “perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan”;
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “premium” dengan perkataan “levi”; dan
  - (iii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

(b) dalam subperenggan (b)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “setiap tahun taksiran berikut tahun taksiran 2011,” dengan perkataan “tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan”;
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “premium” dengan perkataan “levi”; dan
  - (iii) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran yang sebelumnya.” dengan perkataan “tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan; dan”;
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:
- “(c) berkenaan dengan setiap tahun taksiran berikut tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan mengikut perkadarannya amanah levi, pendapatan pelaburan dan apa-apa bentuk hasil yang lain yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang perlindungan takaful dan insurans masing-masing dalam sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dalam tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan.”.

#### **Pindaan perenggan 4**

4. Perenggan 4 Perintah ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan (a)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “berkenaan dengan tahun taksiran 2011,” perkataan “perbelanjaan, kos atau kerugian itu

- hendaklah diagihkan”;
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “premium” perkataan “atau levi”; dan
  - (iii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;
- (b) dalam subperenggan (b)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “setiap tahun taksiran berikut tahun taksiran 2011,” dengan perkataan “tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan”;
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “premium” perkataan “atau levi”; dan
  - (iii) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran yang sebelumnya.” dengan perkataan “tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan; dan”;
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:
- “(c) berkenaan dengan setiap tahun taksiran berikut tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan mengikut perkadarannya aman premium atau levi, pendapatan pelaburan dan apa-apa bentuk hasil yang lain yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang masing-masing dalam sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dalam tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan.”.